

17/04/2000

Warga kota lega tindakan pantas

KUALA LUMPUR, Ahad - Warga kota lega dengan tindakan pantas polis menggagalkan usaha penyokong parti pembangkang mengadakan demonstrasi di sekitar ibu kota, semalam.

Kebanyakan mereka, khususnya peniaga yang ditemui memuji kerajaan kerana bersikap tegas terhadap mereka yang sengaja mahu menimbulkan huru-hara di ibu kota.

Peniaga, Sumitha Ragawan, 22, berkata tindakan parti pembangkang mengadakan perhimpunan haram, adalah satu usaha yang membuang masa dan tenaga mereka saja.

"Perhimpunan sedemikian tidak patut diadakan kerana Malaysia mengamalkan dasar demokrasi dan segala masalah serta rasa tidak puas hati boleh disuarakan melalui Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya.

Beliau berkata, kegagalan kempen reformasi yang sengaja diperbesar-besarkan pembangkang adalah sia-sia kerana rakyat sudah memilih kerajaan yang mereka percaya bagi mentadbir negara ini ke tahap yang lebih cemerlang.

Turut berkongsi pendapat warga kota ialah pelancong dari England Jamie Cross, 25, yang memilih Malaysia sebagai destinasi pelancongan kerana keamanan dan keharmonian kaum yang sentiasa terjamin di negara ini, berbanding negara lain di rantau ini.

"Saya berasa selamat dan tenang di Malaysia dan ini adalah faktor utama pemilihan tempat pelancongan saya," katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Cross berkata, jika beliau ingin berhijrah, Malaysia adalah pilihan utamanya kerana ia aman dan selamat.

Semalam, perhimpunan haram besar-besaran yang dirancang parti Keadilan Nasional di ibu negara, bagi memperingati genap setahun bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dipenjarakan berikutan kes menyalahgunakan kuasa, tidak mendapat sambutan rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata, kegagalan perhimpunan itu adalah bukti rakyat menolak rusuhan dan demonstrasi yang akan menjejaskan imej serta ekonomi negara.

Sementara itu, adik Cross, Ayshea, 24, yang baru dua hari berada di Malaysia, berkata rakyat Malaysia sepatutnya bersyukur dengan pelbagai nikmat yang dianugerahkan kepada mereka.

Katanya, walaupun penduduk Malaysia daripada tiga kaum utama, namun keharmonian tetap terpelihara berbanding negara lain yang sentiasa berada dalam keadaan huru-hara dan kacau-bilau.

"Saya berpendapat keamanan dan keselamatan adalah tarikan utama kepada pelancong asing untuk datang ke negara ini.

"Walaupun Malaysia adalah negara yang sedang membangun, namun tahap keamanan dan keselamatan di negara ini jauh lebih baik berbanding negara maju," katanya.

(END)